

NO. SOALAN : 149

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM] - BN**

SOALAN : 149

YB Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa buah projek perumahan PR1MA sudah dilaksanakan di Sabah dan lokasinya, harga tawaran dan jenis pembinaan serta berapa projek yang masih dalam perancangan.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA (Lembaga Pengarah PR1MA) telah meluluskan sebanyak 35,211 unit kediaman yang terdiri daripada 27 buah projek di Negeri Sabah. Lokasi pembangunan tersebut adalah di kawasan, Sandakan, Sepangar, Tawau, Kota Marudu, Papar, Beaufort, Tuaran, Semporna, Silam, Kinabatangan, Penampang, Kota Kinabalu, Putatan dan Keningau.

Daripada jumlah tersebut sebanyak 7,724 unit iaitu 8 buah projek sedang berada dalam fasa pembinaan manakala selebihnya berada dalam pelbagai fasa perancangan masing-masing. Jenis pembangunan PR1MA adalah terdiri daripada jenis teres (*landed*) dan strata.

Berkenaan harga kediaman PR1MA pula, ianya adalah di antara RM100,000 – RM400,000 iaitu secara purata 20% lebih rendah berbanding harga pasaran. Harga ini adalah lebih rendah berbanding harga rumah pasaran yang mempunyai jenis, spesifikasi dan kawasan yang sama.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI
(TENOM)**

SOALAN : 150

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan perkembangan pembangunan yang telah dilaksanakan di Sabah terutamanya daerah Tenom khususnya yang melibatkan kemudahan-kemudahan asas seperti air, jalan dan elektrik.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi kawasan Parlimen Tenom dalam tempoh RMK-10, Kementerian telah siap melaksanakan sejumlah 14 projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) yang melibatkan 479 buah rumah dengan peruntukan berjumlah RM22.42 juta manakala 3 projek lagi yang melibatkan 53 buah rumah dengan peruntukan RM3.33 juta dijangka siap pada bulan Disember 2016 ini. Kementerian juga merancang untuk meneruskan pelaksanaan projek BELB yang melibatkan 15,374 buah rumah dengan peruntukan dianggarkan sebanyak RM2.629 billion bagi seluruh negeri Sabah dalam tempoh RMK-11 ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian juga telah memperuntukkan sebanyak RM53.85 juta bagi pelaksanaan empat (4) projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Parlimen Tenom dalam tempoh RMK-10. Pelaksanaan projek bekalan air terawat di kawasan Parlimen Tenom ini akan diteruskan dan diselaraskan dengan senarai pelaksanaan projek yang

dicadangkan oleh Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) untuk pelaksanaan di dalam RMKe-11.

Manakala bagi program Jalan Luar Bandar, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), sebanyak RM 34.796 juta telah diperuntukkan bagi pembinaan jalan sepanjang 26.0km di daerah Tenom. Manakala dalam RMKe-11, sebanyak RM 68.562 juta diperuntukkan bagi pembinaan jalan sepanjang 21.5 km.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL
SOALAN : NO. 151

Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah politeknik seluruh negara yang mendapat geran Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta dalam usaha sokongan kepada usahawan dan syarikat tempatan untuk mempertingkatkan produktiviti serta inovasi dalam perniagaan bagi membantu pertumbuhan ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2016 sebanyak 19 buah politeknik telah menerima geran di bawah Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta (*Public-Private Research Network*) berjumlah RM2.3juta untuk menyokong meningkatkan produktiviti usahawan dan syarikat terutamanya syarikat dalam kategori kecil dan sederhana melalui inovasi proses pengeluaran dan perniagaan dan penghasilan produk. Geran yang diperolehi oleh politeknik merupakan sokongan Kerajaan bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi pengusaha-pengusaha untuk memajukan lagi perusahaan mereka.